



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA

Bil.	BUTIR-BUTIR TAWARAN	GRED, PENGKHUSUSAN ATAU KOD BIDANG	TARIKH, TEMPAT PENDAFTARAN DAN HARGA DOKUMEN	TARIKH, WAKTU DAN TEMPAT TAWARAN TUTUP
1	NO SEBUT HARGA : TB45001766113697667 - CADANGAN LANTIKAN BAHARU KERJA-KERJA PERKHIDMATAN PENGURUSAN ANJING TERBIAR DI KAWASAN PENTADBIRAN MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA (MPAJ)	KOD BIDANG BARU : -Menangkap/Menembak Haiwan atau GRED KATEGORI TB PENGKHUSUSAN TB BERDAFTAR DENGAN N/A & SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA (SSM)	PENDAFTARAN & TAKLIMAT Masa: 9.30 AM Tarikh: 28 Januari 2026 Tempat: Tempat : Auditorium Aras 5, Menara Majlis Perbandaran Ampang Jaya LAWATAN TAPAK: AKAN DIMAKLUMKAN SEMASA TAKLIMAT HARGA DOKUMEN: RM 200.00 tidak akan dikembalikan TARIKH PENJUALAN DOKUMEN 28 Januari 2026 (Rabu) Sehingga 19 Februari 2026 (Khamis)	TARIKH TUTUP 19 Februari 2026 (Khamis) WAKTU TUTUP 12:00 PM Lobi Aras 4, Menara MPAJ, Jalan Pandan Utama, Pandan Indah, 55100 Kuala Lumpur

(i) Hanya PENAMA di dalam Sijil MOF sahaja yang dibenarkan semasa pendaftaran. Wakil syarikat TIDAK DIBENARKAN.

(ii) Sila bawa bersama Sijil ASAL serta satu (1) salinan MOF dan UPEN yang masih sah. ATAU Sila bawa bersama Sijil ASAL serta satu (1) SET LENGKAP SET LENGKAP MOF (termasuk lampiran A) dan UPEN SELANGOR.

(iii) Dokumen Meja Tawaran akan dipamerkan pada 28 Januari 2026 (Rabu) sehingga 19 Februari 2026 (Khamis) di Bahagian Ukur Bahan, Tingkat 5, Majlis Perbandaran Ampang Jaya. (9.00 pagi - 4.00 petang (Isnin-Jumaat)).

(iv) Kegagalan untuk mendaftar pada tarikh yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.

(v) Kontraktor/Syarikat TIDAK DIBENARKAN mengemukakan surat "Kebenaran Khas Menyertai Perolehan Di Luar Bidang Pengkhususan" yang dikeluarkan oleh Pejabat CIDB dan Surat Kebenaran Khas menyertai perolehan bagi Gred yang lebih tinggi/rendah adalah TIDAK DITERIMA.

(vi) Dokumen perolehan wajib DIBUKUKAN/DI DOKUMENTASIKAN dengan sempurna dan hendaklah dimasukkan ke dalam DUA (2) SAMPUL YANG DIGAM ATAU BERPELEKAT (Kewangan dan Teknikal) dan dimasukkan ke dalam Peti perolehan seperti tertera di atas.

(vii) Majlis berhak membuat pindaan dari semasa ke semasa maklumat di dalam kenyataan perolehan sebelum tarikh pendaftaran yang ditetapkan. Ianya adalah tanggungjawab petender untuk mengemas kini pindaan tersebut.

(viii) Petender perlu mempunyai email rasmi syarikat bagi menyertai perolehan MPAJ.

(ix) Dokumen perolehan tersebut akan di jual sepenuhnya di atas talian di dalam laman web <https://icomm.mpaj.gov.my> serta dimuat turun (download) melalui akaun perolehan masing-masing sebagai pengesahan pembelian.

(x) Syarikat perlulah membaca syarat-syarat dan arahan kepada petender (Dalam dokumen pelawaan) bagi mengelakkan berlaku kesilapan ketika mengisi dokumen pelawaan dan mengemukakan semula tawaran.

(xi) Tempoh sah laku Sijil MOF adalah tidak kurang 3 bulan dari tarikh tutup perolehan ini. Sekiranya sijil akan tamat dalam tempoh 3 bulan dari tarikh tutup perolehan, bukti pelanjutan/pembaharuan pendaftaan dengan MOF perlu dikemukakan.

(xii) Petender yang tidak mendapat apa-apa jawapan selepas 3 bulan dari tarikh tutup tawaran adalah dianggap tidak berjaya.

(xiii) Sebarang pertanyaan sila hubungi BAHAGIAN UKUR BAHAN di talian 03-4285 7444 dan 03-4285 7356.

